

# Kaedah ke IPTA ikut kehendak rakyat — PM

UM 25 MAY 2002

Oleh ASUKI ABAS  
dan YUSRI SAHAT

**S**UBANG 24 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengikut kehendak rakyat berkenaan cadangan menggunakan kaedah kemasukan yang seragam ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akur jika rakyat mahu satu kaedah kemasukan sahaja digunakan, tetapi akan membuat keputusan sekiranya rakyat berselisih pendapat mengenainya.

“Kita akan dengar kehendak rakyat untuk mendapatkan apa yang mereka mahu, (jadi) sekiranya mereka hanya mahu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) digunakan, kita akan ikut.

“Bagaimanapun) kalau ada perpecahan di kalangan mereka, kita akan putus,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke Jepun dan Korea Selatan, di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia

(TUDM) di sini, hari ini.

Turut menyambut beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Beliau diminta mengulas laporan *Utusan Malaysia*, Selasa lalu yang memetik bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Datuk Dr. Ishak Thambi Kechik menyarankan Kementerian Pendidikan memansuhkan tiga sistem pendidikan prauniversiti.

Ishak mencadangkan agar sistem sedia ada digantikan dengan satu sis-

tem baru jika ingin memastikan keadilan wujud dalam urusan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam berdasarkan sistem meritokrasi.

Tiga sistem itu ialah ST-PM, Program Matrikulasi dan Pusat Asasi Sains yang dilaksanakan di Universiti Malaya.

Pandangan Ishak itu berasaskan kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan kewujudan tiga sistem itu dilihat tidak

sesuai dan lebih banyak menimbulkan prasangka antara kaum.

Golongan bukan bumiputera pula melihat sistem sedia ada tidak memihak kepada mereka berikutan Program Matrikulasi dan Pusat Asasi Sains terhad untuk pelajar bumiputera, manakala kurikulum untuk pendidikan prauniversiti juga berbeza antara satu sama lain dan keputusan peperiksaan pelajarinya sukar untuk disamaratakan.

Sementara itu, ketika

mengulas dakwaan sesetengah pihak kononnya beliau mahu Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik disingkirkan daripada pimpinan MCA, Dr. Mahathir menjelaskan, beliau tidak pernah menyatakan apa-apa dan bersikap neutral dalam masalah parti itu.

“Saya benar-benar neutral di sini dan semuanya bergantung kepada MCA sendiri untuk membuat keputusan,” katanya yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Perdana Menteri berkata, pihak yang membuat dakwaan tersebut mungkin berniat tidak baik kerana ia tidak mempunyai sebarang asas.

“Adalah orang yang berniat tak baiklah agaknya, saya tidak tahu apa niatnya berkata demikian.

“Sebelum ini pun ada yang menyatakan saya menapis cadangan dan sebagainya, sedangkan keputusan itu terletak di tangan mereka, bukan saya,” ujarnya.